

Tanah runtuh di Sungai Ruil, Cameron Highlands, tiga motosikal tertimbus, penghuni 16 rumah diarah pindah

Oleh Haris Fadilah Ahmad ,12 Oktober 2023



Kejadian runtuhan tanah berdekatan rumah penempatan semula Orang Asli di Kampung Sungai Ruil, Cameron Highlands hari ini. - Foto/Ihsan JBPM Pahang

Cameron Highlands : Tiga buah motosikal tertimbus dan sebuah garaj kereta rosak dalam kejadian tanah runtuh berdekatan kawasan penempatan semula Orang Asli Kampung Sungai Ruil Golden Hill, di sini hari ini.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang, Zulfadli Zakaria berkata, 11 orang anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Cameron Highlands dengan sebuah jentera bergegas ke tempat kejadian selepas menerima maklumat pada pukul 11.15 pagi.

“Pegawai operasi, Wan Ziadi Wan Mokhtar mengesahkan kejadian tanah runtuh berdekatan perumahan tersebut melibatkan tiga buah motosikal tertimbus dan kerosakan 10 peratus garaj kereta di sini.

“Bagaimanapun kejadian tanah runtuh ini tidak melibatkan nyawa dan kecederaan mangsa, manakala di lokasi dilaporkan tidak hujan ketika kejadian tersebut,” katanya.

Menurut Zulfadli, anggota bomba telah membuat pemeriksaan lanjut di lokasi kejadian dan mendapati masih ada lagi pergerakan tanah di kawasan tersebut.

"Pihak bomba telah mengarahkan penghuni di 16 buah rumah di kawasan tersebut supaya mengosongkan kediaman masing-masing un

"Mangsa yang terlibat telah dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Kampung Sungai Ruil," katanya.

Ujarnya, anggota BBP Cameron Highlands terus membuat pemantauan di lokasi dan punca kejadian masih dalam siasatan.

-Utusan